

Pantau pergerakan tanah di sekitar Blok F Pangsapuri AUI

# JKR pasang alat pengesanan khas

KOSMO m/s 3 28/4/19

Oleh EDDY HAMIDI

**AMPANG JAYA** - Satu alat khas bagi mengesan pergerakan tanah dipasang di sekitar Blok F Pangsapuri AUI, Taman Keramat Permai di sini yang dilaporkan mengalami keretakan semalam.

Ketua Pengerusi Badan Negeri Selangor, Ahmad Fairuz Mohd Yusof berkata, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) memasang alat pengesanan itu di sekitar Blok F semalam bagi pemeriksaan lanjut yang dijangka berlanjutan selama tiga hari.

"Selepas itu barulah keputusan sama ada bangunan empat tingkat berkenaan selamat untuk diduduki atau sebaliknya akan diketahui. "Kami perlukan maklumat sebelum buat keputusan bangunan itu boleh diduduki, perlu diperbaiki atau sebaliknya," katanya kepada pemberita di pusat pemindahan sementara bagi penduduk terjejas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat semalam.



AZIZAN



AZLAN



BANGUNAN Blok F, Pangsapuri AUI, Taman Keramat Permai yang mengalami keretakan dibina pada tahun 1985.

Ketua Penduduk, Azizan Dayak, 58, berkata, sekurang-kurangnya tiga hari diperlukan bagi melakukan kerja-kerja pemeriksaan terhadap kesan keretakan.

"Ada beberapa orang penduduk di blok ini yang meluahkan perasaan bimbang mereka. "Saya sudah menetap di sini sejak 27 tahun lalu dan amat berharap agar kerja-kerja baik pulih dapat dilakukan dengan segera," katanya.

Tambahnya, kejadian itu adalah yang pertama sejak bangunan tersebut dihuni dan tidak menyangka ia boleh menjadi begitu serius secara tiba-tiba. Sementara itu, seorang penduduk, Azlan Mahboob, 33,

berkata, dia telah dimaklumkan tentang perkara itu kira-kira pukul 2 petang Jumaat lalu oleh persatuan penduduk sebelum bergesang pulang kerana bimbang keselamatan isteri serta dua anaknya yang berada di rumah.

"Sebaliknya di kawasan rumah, saya lihat beberapa orang anggota bomba sudah berada di pekarangan Blok F dan penduduk juga sudah mula memenuhi kawasan bawah blok.

"Tidak beberapa lama kemudian, satu taklimat telah diberikan oleh pihak Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan satu arahan pengosongan bangunan dikeluarkan sebelum dilaksanakan bermula pukul 12



SEORANG penduduk menunjukkan kesan retakan pada dinding Blok F Pangsapuri AUI, Taman Keramat Permai semalam.

tengah malam hari yang sama," katanya.

Jelas Azlan, dia memilih untuk tinggal bersama kedua ibubapanya di Kuala Selangor sepanjang tempoh tiga hari tersebut.

Dalam pada itu, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, kerja-kerja pemeriksaan dilakukan oleh JKR serta perunding yang dilantik iaitu Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) bagi mengesan kesan retakan baharu serta punca yang mengakibatkan ia berlaku.

"Pihak Ikram akan melaporkan penemuan baharu setiap dua jam melalui kerja-kerja pemerhatian menamatkan

probe juga sensor dan pemeriksaan awal yang dilakukan telah menemui sekurang-kurangnya 10 kesan retakan.

"Susulan penemuan itu, kerja-kerja pemeriksaan serta kajian selanjutnya akan dilakukan dan dijangka mengambol masa tiga hari bermula hari ini (semalam)," katanya.

Seramai 222 orang penduduk daripada 37 keluarga diarahkan berpindah selepas penemuan beberapa kesan keretakan di struktur bangunan berkenaan.

Kosmo/ difahamkan, kesemua kesan keretakan itu tertumpu di tingkat tiga, empat dan lima bangunan yang dibina pada tahun 1985. Tersahit